

Ruj.Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (21)
Tarikh: 2 APRIL 2014

KENYATAAN AKHBAR

MBPJ BUKA PERMOHONAN TAPAK BAZAR RAMADAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menyediakan 20 lokasi tapak bazar Ramadan yang menawarkan 1,652 lot berniaga di Petaling Jaya sempena sambutan bulan tersebut tahun ini.

Penyediaan tapak bazar Ramadan ini bertujuan memenuhi keperluan penduduk untuk membeli juadah berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadan di samping memberi ruang kepada peniaga kecil untuk menambah pendapatan.

Untuk itu, MBPJ akan mengadakan penjualan borang tapak bazar Ramadan pada 3 April 2014 (Khamis) pukul 9.00 pagi bertempat di Stadium Petaling Jaya, Jalan SS7/15, Petaling Jaya.

Antara lokasi-lokasi bazar Ramadan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis adalah seperti berikut :-

BIL	LOKASI	JUMLAH PETAK 2014
1.	Sek. 17/1A	100
2.	Sek. 14/27	60
3.	Sek.8, Sg Jernih	10
4.	Stesyen Bas Jalan Othman	27
5.	Kg Baiduri , 51A	40
6.	SS8, Sg Way	80
7.	SS 6/1 , Kelana Jaya	250
8.	Jalan PJS 2D/9, Taman Medan (tapak Pasar Pagi dan Pasar Malam Majlis)	162
9.	Desa Mentari	40
10.	PJS 6/3 , Kg Lindungan	55
11.	Taman Sri Manja	80
12.	Lembah Subang	50
13.	Kg. Sg. Kayu Ara	50
14.	Apartment Meranti , Sri Damansara	80
15.	Jalan Teknologi 3/6A, Kota Damansara	200

16.	Seksyen 7, Kota Damansara	70
17.	Seksyen 5, Kota Damansara	12
18.	Seksyen 4, Kota Damansara	80
19.	Damansara Damai (Apt. Vista Business Centre)	166
20.	Prima Damansara	40
Jumlah		1,652

Penjualan borang yang diadakan pada 3 April 2014 ini dijual secara “first come first serve”. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar sebelum atau pada 14 April 2014 beserta bayaran kepada pihak Majlis. Walaubagaimanapun penjualan semula borang akan diadakan pada 17 April 2014 bertempat di Tingkat 6, Bahagian Pelesenan, Menara MBPJ, sekiranya terdapat kekosongan berdasarkan borang yang dihantar balik kepada Majlis mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

Para peniaga juga hendaklah mematuhi syarat-syarat permohonan permit bazar Ramadan seperti berikut:-

- a) Menyediakan dua (2) keping gambar terbaru berukuran passport, borang permohonan yang lengkap diisi serta salinan kad pengenalan.
- b) Pemohon hendaklah berumur 18 tahun ke atas
- c) Tuan/puan tidak layak memohon sekiranya salah seorang dari suami/isteri telah memohon permit
- d) Bagi peniaga air tebu, kelapa, sate, ayam/ikan percik/bakar atau seumpamanya yang menggunakan bahan bakar seperti arang batu dan lain-lain atau apa-apa jenis jualan yang meninggalkan sisa buangan yang banyak atau jenis jualan yang patut oleh Majlis dikenakan cagaran sebanyak RM200.00.
- e) Pemohon dikehendaki menyerahkan borang yang telah lengkap pada atau sebelum tarikh tutup seperti yang tercatat pada borang permohonan.
- f) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat akan ditolak.

Sehubungan dengan itu, bagi memenuhi kriteria yang telah ditetapkan pihak Majlis akan mengadakan kursus pengendalian makanan kepada semua peniaga bazar ramadan agar mematuhi syarat-syarat kebersihan dan kesihatan yang telah ditetapkan. Semua peniaga yang menjalankan perniagaan menjual makanan dan minuman **diwajibkan** mempunyai suntikan Typhoid TY2. Pada tahun lepas, Majlis telah memperkenalkan **kad pembantu** bagi peniaga yang mengambil pembantu semasa bazar ramadan ini. **Pembantu hendaklah warganegara Malaysia** dan dikehendaki menyertakan gambar 2 keping , salinan suntikan TY2, bayaran kursus pengendalian makanan sebanyak RM 50.00 dan RM 5.00 bagi kad tersebut.

Bagi menggalakkan peniaga bazar Ramadan mengamalkan ciri-ciri peniaga yang berhemah, pada tahun ini pihak Majlis akan menerapkan aspek MAMPAN yang menitikbertakan aspek-aspek seperti kebersihan, sosial, alam sekitar dan kerohanian.

Dimaklumkan juga, bahawa Majlis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan kepada peniaga yang tidak mempunyai lesen/ permit menjalankan perniagaan. Tindakan tegas akan diambil dengan menyita barang-barang perniagaan mereka seperti yang termaktub di dalam Undang-Undang Kecil Penjaja 2007, Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Justeru itu, diingatkan kepada semua orang awam yang ingin menjalankan perniagaan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya mendapatkan lesen yang dikeluarkan berdasarkan jumlah petak yang telah disediakan sahaja.

Tindakan penguatkuasaan juga akan dijalankan sepanjang bulan Ramadan dengan mengadakan kawalan statik di setiap bazar ramadan.

Sebarang pertanyaan berkenaan Permit Bazar Ramadan, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Pelesenan, Tingkat 6, Menara MBPJ di talian 03-79604667 / 03-79609026 sambungan 111 dan 119 untuk keterangan lebih lanjut.

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-2046035, ahmadiskandar@mbpj.gov.my